

UCAPAN YAB KETUA MENTERI DI PELANCARAN
RESMI SEKIM RUKUN TETANGGA SEKTOR MID-
LANDS PADA 4HB. SEPTEMBER 1976 JAM 4.30
PETANG DI PUSAT KAWALAN (Simpang Jalan
Reutens dan Pesiaran Midlands)

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa,
Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetanga Malaysia,
Pegawai Daerah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang,
Penduduk-Penduduk Sektor Rukun Tetangga Midlands,
Tuan-tuan sekalian.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa ini dan penduduk-penduduk Sektor Midlands kerana telah menjalankan tugas mereka dengan penuh minat dan semangat dalam menjayakan Sekim Rukun Tetangga Midlands ini. Kejayaan Sekim Rukun Tetangga ini adalah hasil daripada inisiatif tuan dalam menyokong Kerajaan untuk melaksanakan sekim di kawasan tuan.

2. Tuan-tuan sekalian tentu sedar bahawa Rukun Tetangga sedang dilancarkan dengan pesatnya di seluruh Negeri Pulau Pinang. Setakat

ini sebanyak lapan buah sektor telah ditubuhkan. Di seluruh Negara juga, matlamat-matlamat Rukun Tetangga telah membawa kepada penubuhan banyak sekim di kawasan-kawasan bandar. Tuan-tuan harus sedar bahawa di kawasan-kawasan luar bandar, tugas-tugas sedemikian juga dikendalikan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong. Ini bermakna bahawa seluruh Negara rakyat yang tampil ke hadapan untuk bersama-sama menanggung beban menjaga keselamatan Negara kita, telah kian bertambah ramai.

3. YAB Perdana Menteri kita, Datuk Hussein Onn telah menitikberatkan betapa pentingnya untuk rakyat melibatkan diri mereka dengan sepenuhnya untuk menjunjung tinggi soal keselamatan Negara sebagai salah satu matlamat asas bagi menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan juga sedar bahawa rakyat kita perlu mengorbankan masa kelapangan mereka demi mencapai objektif untuk mengekalkan keselamatan negara kita.

4. Adalah penting bahawa semangat Rukun Tetangga yang kebetulannya bertujuan membina sebuah masyarakat yang berdikari

dianggap sebagai satu corak hidup yang tetap bagi rakyat kita. Ini amatlah mustahak kerana musuh-musuh yang berhasrat menjejaskan perpaduan, kemajuan dan kebahagiaan Malaysia selalunya cuba untuk melemahkan keamanan, kestabilan, keselamatan dan kebahagiaan kita.

5. Hanya melalui sekim-sekim yang dianjurkan seperti Rukun Tetangga ini, rakyat di sesuatu kawasan itu akan dapat menggembeling usaha mereka demi kepentingan kawasan mereka masing-masing. Oleh yang demikian, Sekim Rukun Tetangga di Sektor Midlands ini telah diuruskan dengan cara yang akan membolehkan penduduk-penduduk di Sektor ini untuk bekerjasama diantara satu sama lain dengan lebih rapat lagi dan di samping itu juga, menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka dengan kegiatan-kegiatan. Pasukan Keselamatan dan Polis untuk mempertahankan keamanan dan keselamatan mereka. Secara ringkas, tuan-tuan sangat mengambil berat terhadap keamanan ditempat masing-masing. Tuan-tuan juga tidak ingin

membiarkan anasir-anasir yang menjejaskan kebahagiaan sektor tuan-tuan ini dan mengancam keamanan di kawasan tuan.

6. Pelancaran Rukun Tetangga di Midlands tentu akan memberi peluang kepada penduduk-penduduk di Sektor ini untuk saling bantu membantu dalam mengawal kegiatan-kegiatan jenayah dan pencurian. Dengan ini mereka-mereka yang tidak bertugas secara aktif pada bila-bila masa dan hanya berada di rumah, patut berasa yakin bahawa ahli-ahli masyarakat tuan sedang meronda untuk menjamin keselamatan rumah-rumah tuan-tuan. Jadi sekiranya setiap orang cuba dengan sedaya upaya untuk mengelak kegiatan-kegiatan jenayah dan pencurian dari berlaku semasa tuan-tuan tidak berada di rumah, tuan-tuan akan dapat meringankan beban jiran tetangga tuan yang sedang menjalankan tugas tugas perondaan. Apa yang tuan-tuan boleh buat ialah untuk memberitahu peronda-peronda Rukun Tetangga di kawasan tuan bahawa tuan tidak akan berada di rumah pada sekian masa dan mereka tentu akan dapat menolong tuan. Ini adalah satu contoh

yang jelas bagaimana Rukun Tetangga dapat dilaksanakan dengan jayanya. Anasir-anasir yang tidak diinginkan yang datang ke Sektor tuan untuk mengancam, mengugut atau memeras wang daripada suri-suri rumahtangga akan dapat dihapuskan kerana dengan cara mengenal jiran-jiran dengan lebih rapat, tuan-tuan bolehlah yakin bahawa jiran tetangga tuan-tuan tetap sedia untuk menolong tuan sebagaimana tuan-tuan juga sedia menolong mereka sekiranya mereka meminta bantuan tuan-tuan untuk mengatasi sebarang kesulitan.

7. Soal salahguna dadah adalah satu gejala sosial buruk dalam mana ahli-ahli masyarakat melalui objektif-objektif Rukun Tetangga boleh berusaha bersama-sama untuk menolong mereka-mereka yang telah menjadi penagih-penagih dadah dan lebih penting lagi, untuk mengabungkan usaha dalam menghapuskan mereka-mereka yang mengedarkan dadah yang bukan sahaja akan

memburukkan nama baik kawasan tuan-tuan bahkan juga akan melemahkan 'morale' dan semangat rakyat dan merosakkan penghidupan generasi muda di sektor tuan-tuan.

8. Pada setiap bulan, bilangan purata pencurian-pencurian di dalam Negeri Pulau Pinang merupakan satu masalah rumit yang dihadapi oleh pihak Polis. Dalam bulan-bulan Mei, Jun, dan Julai 1976, terdapat 982 pencurian-pencurian basikal dan motosikal berjumlah 511 dan 148 masing-masing. Jadi, dengan mengelakkan berlakunya pencurian-pencurian, tuan-tuan akan dapat membantu pihak Polis dalam tugas-tugas mereka supaya pasukan polis sendiri akan dapat menumpukan usaha mereka terhadap masalah-masalah yang lebih rumit demi menjamin keselamatan masyarakat kita daripada kegiatan-kegiatan anasir-anasir anti-nasional dan sabersif serta organisasi-organisasi komunis yang berhasrat untuk memusnahkan struktur Negara kita.

9. Walaupun tuan-tuan bertindak untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan kawasan tuan-tuan masih ada sebarang **bahaya**

lagi kerana pada masa sekarang ini, kejadian jenayah yang melibatkan penggunaan alat-alat senjata kian bertambah. Oleh yang demikian adalah penting supaya tuan-tuan bekerjasama rapat dengan pihak polis pada setiap masa agar kegiatan-kegiatan tuan dapat diselaras kan dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Pasukan Keselamatan dan Polis. Sekiranya apa-apa jenayah atau kekacauan berlaku, segenap lapisan masyarakat akan turut berusaha untuk mengatasinya.

10. Tetapi elemen bahaya ini tidak seharusnya menakutkan tuan-tuan. Sebaliknya ia harus mendorong tuan-tuan supaya menyedari dengan lebih mendalam lagi bahawa semasa menjalankan tugas-tugas perondaan yang mungkin membosankan kerana tidak ada apa-apa keadaan merbahaya yang dihadapi, adakalanya tuan-tuan mungkin menghadapi kejadian-kejadian yang tidak disangka-sangka. Jadi tuan-tuan harus sedar dan selalu berwaspada agar dapat mengatasi keadaan merbahaya yang tertentu. Lebih penting daripada organisasi, tuan-tuan haruslah mengekalkan semangat sedia berkhidmat kepada

Negara. Tuan-tuan harus sentiasa menjunjung tinggi keazaman dan ketetapan tuan-tuan mengekalkan keselamatan Negara. Jikalau perlu, apabila tuan-tuan menghadapi keadaan yang merbahaya, tuan-tuan harus sanggup mengorbankan jiwa agar penduduk-penduduk di kawasan tuan, masyarakat dan Negara akan terus berada dalam keadaan aman, setabil dan selamat.

11. Saya ingin memuji mereka-mereka yang telah mendaftarkan diri mereka dalam Sekim Rukun Tetangga kerana menunjukkan keazaman dan minat mereka untuk turut berusaha demi kepentingan Negara. Adalah penting dalam keadaan sedemikian setiap orang rela meluangkan masa mereka dan bekerjasama dengan ahli-ahli Rukun Tetangga, khasnya, ahli-ahli Jawatankuasa yang bertanggungjawab menganjurkan aktiviti-aktiviti tuan-tuan dengan cara yang sesuai.

12. Memandangkan kepada betapa ramainya penduduk-penduduk dalam Sektor Midlands yang telah berkumpul pada hari ini, saya yakin bahawa tuan-tuan semua betul-betul berazam untuk menjayakan Sekim Rukun Tetangga di dalam sektor tuan-tuan. Saya mengucapkan Selamat Maju Jaya dan berharap agar melalui usaha tuan-tuan,

sektor ini akan menjadi lebih selamat, aman dan seterusnya menyumbangkan kepada keselamatan Negeri dan Negara kita secara keseluruhannya.

13. Sekarang, dengan penuh sukacitanya, saya melancarkan Sekim Rukun Tetangga Sektor Midlands.

Terima kasih.